

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN
KILANG NENAS KEDUA, SYARIKAT KILANG
NENAS TANAH MELAYU, DI PULAI SEBATANG
JOHOR PADA 16HB APRIL, 1972

Tuan Pengerusi, Y.A.B. Dato' Haji Othman,¹ Y.B. Tan Sri Sardon,² Y.B. Encik Taib Mahmud,³ Encik Jamil Jan, Pengerusi FIMA, Saudara-saudara sekalian.

Saya sungguh gembira sctiap kali saya berpeluang merasmikan pembukaan sebuah kilang perusahaan, kerana ibarat orang yang sedang mendirikan rumah terdirinya sebuah kilang baru bermakna kita maju setapak lagi kehadapan dalam usaha membangun ekonomi negara untuk kesejahteraan dan kemakmuran rakyat.

Baru kelmarin saya diberi penghormatan membuka sebuah Brewery di Shah Alara iaitu usaha bersama syarikat asing dengan pemodal Malaysia. Hari ini kegembiraan saya agak lebih istimewa daripada yang sudah-sudah kerana Kilang Pengetin Nenas ini adalah suatu projek yang hampir di hati saya dan membawa makna yang besar kepada rakyat di Pontian ini.

Saya amat terharu dengan sambutan meriah yang diberikan kepada saya dan rombongan sebentar tadi dan inginlah saya menyatakan ucapan terima kasih kepada semua mereka yang turut serta menyelenggarakan sambutan tadi.

Sebagaimana maklum, Syarikat Kilang Nenas Tanah Melayu (atau PCM) ini adalah dimodali sepenuhnya oleh Kerajaan dan sudah tentulah sekali Kerajaan mengambil berat akan maju mundurnya Kilang ini. Dalam context pembangunan negara, terutama Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, perusahaan ini tidaklah dipandang semata-mata dari segi untung atau ruginya. Malahan, lebih jauh daripada itu. Kilang ini merupakan satu experiment yang julung kali dijalankan serta bukti yang Kerajaan sanggup melibatkan diri secara langsung dalam perindustrian di kawasan

¹ Y.A.B. Menteri Besar Johor.

² Y.B. Menteri Perhubungan Malaysia.

³ Y.B. Menteri Perusahaan Utama.

luar bandar, di mana hasil pertanian rakyat merupakan bahan mentah yang utama untuk diproses samada nenas atau lain-lain lagi.

Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru adalah satu commitment yang mesti dijayakan, kerana mengingat di kawasan luar bandar terdapat bukan sahaja tekanan pengganguran yang mendesak tetapi juga saluran-saluran pemasaran hasil mahsul masih belum teratur dengan sempurna. Saya ingin memberi jaminan bahawa Kerajaan akan terus menjalankan segala daya usaha supaya segala langkah dan usaha yang dijalankan itu mencapai sepenuhnya kejayaan.

Dalam hubungan ini Kerajaan telah menubuhkan berbagai-bagai badan seperti Lembaga Pemasaran Pertanian (FAMA); Institiut Penyelidikan Pertanian (MARDI); Lembaga Padi dan Beras Negara; Institiut Kajiteknik Makanan dan tidak berapa lama dulu dilancarkan Syarikat Perusahaan-perusahaan Makanan (FIMA). Badan-badan ini, sebagai agensi pembangunan negara, mempunyai peranannya masing-masing tetapi dengan tujuan-tujuan asasi yang sama, iaitu hendak meningkatkan kemajuan sektor pertanian dalam artikata yang sepenuhnya. Dengan adanya penyelarasan yang rapi, saya percaya hasil-hasil kerja dan penyelidikan badan-badan tadi akan mendatangkan sepenuhnya faedah kepada kaum petani khususnya dan kepada sektor perusahaan pertanian negara amnya.

Saudara-saudara sekalian,

Kita bersyukur kepada Allah yang menjadikan bumi kita ini kaya dan subur dengan berbagai jenis tanaman. Maka sebab itulah dari sejak zaman berzaman pertanian menjadi mata pencarian sebahagian terbesar daripada rakyat kita, iaitu kaum Bumiputera. Akan tetapi, oleh kerana kepentingan ekonomi penjajah yang berkuasa pada masa dahulu, hanya sektor pertanian yang tertentu sahaja diberi perhatian iaitu ladang-ladang getah dan kelapa sawit milik asing sedangkan bahagian-bahagian yang lain, tegasnya, kawasan-kawasan Melayu yang bergantung kepada padi dan buah-buahan, tidak begitu dihiraukan. Sekarang dengan adanya rancangan-rancangan yang tegas dan berkesan, kita telah maju jauh dalam pengeluaran padi dan beras sehingga hampir ke had kita tidak perlu lagi mengimpot beras dari luar negeri.

Tetapi saya nampak bidang pengeluaran buah-buahan masih ketinggalan. Di bidang inilah, saya rasa, para penyelidik dan perancang pertanian kita perlu melipatgandakan usaha supaya buah-buahan tempatan kita bukan saja diperbaiki kualitasnya bahkan pengeluarannya hendaklah dibuat cara besar-besaran untuk pasaran dan industri. Kempen menggalakkan makan buah-buahan tempatan, saya percaya, tentulah akan lebih berjaya dan berkesan sekiranya buah-buahan mudah diperolehi dan juga bermutu dengan harga yang tidak berapa tinggi. Saya telah mengarahkan FAMA supaya dari semasa ke semasa kempen-kempen seperti itu hendaklah dinilai untuk mengukur sejauh mana kita telah berjaya. Bagaimanapun, yang lebih penting hari ini ialah supaya perusahaan menanam buah-buahan dapat dimajukan dengan lebih pesat dan teratur. Untuk memenuhi keperluan buah-buahan dijadikan bahan industri, ada baiknya kalau diadakan kawasan-kawasan pilihan bagi mengeluarkan jenis buah-buahan tertentu. Kita semua tahu di kawasan Pontain/Johor ini, disebabkan tanahnya gambut atau peaty soil merupakan kawasan bertanam nenas yang jaya di mana terdapat beberapa buah kilang memproses nenas termasuk kilang baru PCM ini. Saya difahamkan FIMA yang menjadi Syarikat Induk kepada PCM, dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan negeri akan membuka kawasan-kawasan yang sesuai di Selangor dan lain-lain negeri untuk ladang nenas dan mendirikan perusahaan memproses selanjutnya.

Rancangan yang tersusun, meliputi lain-lain buah-buahan, akan membukakan lapangan yang lebih luas kepada pengusaha-pengusaha samada FIMA atau pun pihak swasta di samping memberi peluang pekerjaan kepada rakyat luar bandar. Oleh itu mustahaklah perusahaan bertanam buah-buahan ini dikaji secara mendalam, baik dari segi penghasilannya mahupun tentang penggunaannya. Barangkali elok juga ditinjau penggalakkan menanam semula buah-buahan yang sekarang dibuat secara sampingan menerusi Rancangan Tanam Semula Getah, boleh diubah supaya menjadi rancangan secara langsung yang teratur. Setakat ini, selain dari getah memang sudah ada beberapa badan khas untuk memajukan tananman-tanaman tertentu seperti kelapa, nenas dan koko. Perusahaan bertanam nenas, umpamanya, diletakkan di bawah Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu atau MPIB, dan saya ingin melihat Lembaga ini berjalan pesat terutama di Johor ini.

Saudara-saudara sekalian,

Berkenaan dengan Syarikat Kilang Nenas ini, saya berpuas hati dengan perjalanannya dan juga kemajuannya. Semenjak ditubuhkan lapan tahun yang lalu, Kilang ini telah dapat memenuhi hasrat yang mendorong penubuhannya iaitu menampung nenas yang di tanam oleh pekebun-pekebun kecil dan memberi peluang-peluang pekerjaan. Ini dengan sendirinya merupakan bukti kecakapan, kejujuran dan di dedikasi pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja Kilang ini. Pembukaan Kilang kedua ini menandakan satu langkah kemajuan lagi dalam memenuhi tugas dan kewajibannya.

Saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada penduduk-penduduk di Pulau Sebatang ini dan di kawasan-kawasan sekitarnya kerana bukan saja mereka sekarang mendapat sebuah Kilang yang akan menampung pengeluaran nenas di sini, tetapi juga kerana inilah kilang besar yang pertama, berharga berjuta-juta ringgit, yang dibuka di bawah Dasar Ekonomi Baru kerajaan hendak membawa industri ke kawasan-kawasan luar bandar.

Sebagai pihak yang akan menerima munafaat daripada projek ini, mereka juga mempunyai tanggungjawab untuk memastikan supaya Kilang ini terus maju mencapai tujuannya. Kilang ini, sungguhpun dimodali sepenuhnya oleh Kerajaan, adalah sebenarnya sebuah Syarikat perniagaan. Perjalanannya dan pengurusanannya mengikut lunas-lunas perniagaan yang lazim dan dengan sebab itu mestilah sedikit sebanyak menunjukkan keuntungan.

Oleh yang demikian, saudara-saudara juga hendaklah memandangnya tidak ubah seperti badan perniagaan lain. Malahan, sebagai hak Kerajaan, kilang ini adalah hak rakyat iaitu hak saudara-saudara juga. Maka itu adalah lebih-lebih wajar dan mustahak kita jaga bersama-sama dengan baik supaya jenteranya sentiasa berjalan lancar dan licin setiap masa. Sebarang kemajuan yang diperolehi tentulah akan berbalik faedahnya kepada saudara-saudara sendiri juga, lebih-lebih pula kerana hasil pengeluaran Kilang ini mencerminkan imej negara kita di luar negeri.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam hubungan ini saya harap pekebun-pekebun kecil nenas di kawasan Pontain ini dan juga di tempat-tempat lain, hendaklah berusaha menanam serta menghasilkan nenas yang bermutu tinggi

untuk membekalkan Kilang ini. Kebun-kebun lama eloklah ditanam semula dengan jenis yang baik. Dengan demikian, saudara-saudara bukan sahaja memperolehi pendapatan yang tinggi tetapi Kilang baru kita ini akan dapat pula mengekalkan mutu peneluarannya setanding dengan yang terbaik di dunia.

Saya menegaskan hal ini kerana mengingat tidak lama lagi kita akan menghadapi persaingan yang hebat di pasaran Eropah berikutan dengan kemasukan Britain ke dalam EEC dan juga di pasaran dunia. Peristiwa ini kita mengawal dan mengekalkan mutu hasil-hasil pertanian samada getah, minyak kelapa sawit, nenas dan sebagainya adalah perkara yang patut di ambil berat oleh semua pihak. Kerajaan sedia memperuntukkan wang yang banyak untuk penyelidikan atau research pada semua peringkat supaya bidang perindustrian kita benar-benar mendapat manfaat dari kemajuan sains dan teknologi.

Pada hemat saya, masa depan untuk perusahaan memproses buah-buahan dan makanan sungguh cerah apabila MARDI dan Instituti Kajiteknik Makanan meningkatkan usaha-usaha penyelidikan mereka di bidang masing-masing. Kawasan-kawasan baru yang akan dibuka secara besar-besaran di Pahang, Trengganu dan Johor akan menghasilkan tanaman-tanaman baru di samping penternakan. Ini bermakna kita akan mengubah corak menjelma dari sebuah negara pengimport barang-barang makanan seperti gula, susu, daging dan lain-lain menjadi negara yang betul-betul berkari bahkan boleh mengekspot barang-barang itu.

Saya tidak juga lupa mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Johor di bawah pimpinan Dato Haji Othman yang sentiasa memberikan kerjasama dan pertolongan dalam menubuhkan Kilang Kedua ini.

Akhir kata, saya sekali lagi menggesa P C M supaya terus mengekalkan daya usaha menjayakan Kilang ini menurut cara dan perusahaan yang tertentu, serta menunjukkan jalan kepada Kilang-kilang lain yang akan muncul kelak.

Dengan ini saya sukacita merasmikan pembukaan Kilang Kedua P C M Pulau Sebatang ini.